

**Koon Swan**

**tak ada**

**kemuka**

**① apa2**

**perakuan**

**pada saya**

**— Mahathir**

**OM 7 DEC 1981**

**KUALA LUMPUR 6**

Dis. — Perdana Menteri Datuk (Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata Presiden MCA, Encik Tan Koon Swan yang menemuinya baru-baru ini tidak mengemukakan apa-apa perakuan berhubung dengan perubahan perwakilan parti itu dalam kerajaan.

Bercakap kepada para pemberita selepas menyampaikan diploma kepada 101 orang siswazah Maktab Turus Angkatan Tentera di Bangunan Parlimen di sini hari ini, beliau berkata "Encik Tan tidak katakan apa-apa mengenai perubahan itu kepada saya."

Semalam, Encik Tan menafikan kononnya beliau telah memberi perakuan kepada Perdana Menteri berhubung dengan perubahan barisan parti untuk jawatan dalam kabinet.

## **Senarai**

Encik Tan menyifatkan laporan akhbar yang menyebut bahawa beliau menyerahkan senarai itu kepada Perdana Menteri ketika beliau menemuinya baru-baru ini sebagai 'spekulasi'.

Perdana Menteri berkata beliau tidak membuat sebarang keputusan mengenai kedudukan Menteri Buruh, Datuk Mak. Hon Kam dalam kabinet.

Bekas Pemangku Timbalan Presiden MCA itu tidak bertanding dalam pemilihan parti baru-baru ini tetapi telah ditawarkan jawatan dalam jawatankuasa pusat.

Menjawab satu soalan sama ada akan menimbang penyusunan semula kabinet, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, "terserah kepada keadaan."